

MEMPERTINGKAT KEMAHIRAN MENGGUNAKAN HURUF BESAR DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KEMABONG, TENOM, SABAH

oleh Mohd. Isa bin Abd. Razak (Penyunting/Fasilitator), Haradin bin Mohd. Basri (Ketua Kumpulan), Jasim, Rohana, Aggenes, Albert, Jumariah, Irene John dan Irene Molipat (ahli)

ABSTRAK

Kemahiran menggunakan huruf besar di permulaan ayat dan pengejaan nama khas perlu dikuasai oleh pelajar sebelum mereka menjejakkan kaki ke sekolah menengah. Kesilapan menggunakan huruf besar boleh mencacatkan mutu penulisan mereka, khususnya dalam peperiksaan berpusat seperti PMR.

Kajian ini dilakukan terhadap pelajar Tingkatan Dua Produktif di Sekolah Menengah Kebangsaan Kemabong dari 16 Januari hingga 2 April 1996. Dalam tinjauan awal didapati hanya 11% pelajar menguasai kemahiran menggunakan huruf besar. Dua tindakan bagi mengatasi masalah ini telah dilaksanakan iaitu aktiviti dalam kelompok kecerdasan (ADKK) dan program memanfaatkan ruang kosong (PMRK). Selepas tindakan itu didapati 33% pelajar menguasai kemahiran menggunakan huruf besar, iaitu meningkat 22% berbanding sebelum tindakan. 80% pelajar didapati telah memahami cara menggunakan huruf besar.

PENDAHULUAN

Pendidikan Bahasa Melayu masa kini tertumpu pada usaha menguasai kemahiran, bukannya pengetahuan. Satu daripada kemahiran penulisan yang perlu dikuasai oleh pelajar ialah kemahiran menggunakan huruf besar. Kegagalan menguasai kemahiran ini boleh mencacatkan mutu penulisan mereka, khususnya dalam peperiksaan berpusat seperti PMR.

PERNYATAAN MASALAH

Kegagalan menguasai sesuatu kemahiran asas dalam pendidikan bahasa Melayu pada peringkat rendah akan memberi kesan negatif pada peringkat sekolah menengah. Pemerhatian menunjukkan bahawa banyak pelajar sekolah menengah belum menguasai beberapa kemahiran yang sepatutnya telah dikuasai di sekolah rendah. Antaranya ialah kemahiran menggunakan huruf besar. Pelajar melakukan pelbagai kesilapan seperti tidak menggunakan huruf besar di tempat yang sepatutnya. Pelajar mungkin juga menggunakan huruf besar pada tempat yang perlu menggunakan huruf kecil sahaja.

Kemahiran menggunakan huruf besar kelihatan seperti masalah yang kecil sahaja. Akibatnya pelajar mengabaikan perkara ini dalam penulisan mereka. Pasukan penyelidik berusaha mengesan sebab-sebab yang menjadi punca pelajar mengabaikan kemahiran ini. Diharapkan guru dapat mengubahsuai kaedah pengajaran mereka bagi mengatasi masalah ini.

Berdasarkan pemerhatian terhadap aktiviti menulis dan maklumat daripada guru penyelidik, terdapat dua fenomena yang menyebabkan berlakunya masalah ini. Pertama, pelajar hanya menggunakan kemahiran itu ketika proses pembelajaran. Kesilapan tetap berulang kerana mereka hanya membetulkan kesilapan apabila ditegur. Kedua, pelajar tidak tahu maksud kata nama am dan kata nama khas. Akibatnya mereka tidak menyedari bahawa mereka sebenarnya melakukan kesilapan.

TUJUAN PENYELIDIKAN

Kajian ini bertujuan menolong pelajar dan guru memahami kepentingan penggunaan huruf besar dalam penulisan. Kajian ini juga bertujuan mengurangkan kesilapan penggunaan huruf oleh pelajar dan menolong guru menggunakan pendekatan yang sesuai bagi mengatasi masalah ini.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Batasan Kajian

Kajian merupakan latihan amali bagi kursus penyelidikan tindakan. Oleh itu batasan utamanya ialah kehendak tugas. Pengkaji dikehendaki memilih satu aspek kecil tatabahasa yang menjadi masalah kepada sekolah yang dipilih. Sesuai dengan kehendak tugas itu, kajian ini difokuskan kepada penggunaan huruf besar di permulaan ayat dan nama khas. Dari segi tindakan pula, pengkaji dikehendaki melaksanakan dua jenis tindakan sahaja.

Kumpulan sasar kajian ialah pelajar Tingkatan Dua Produktif, Sekolah Menengah Kebangsaan Kemabong, Tenom. Kelas ini termasuk dalam kelas lemah. Kajian ini dimulakan pada 16 Januari 1996 dan berakhir pada 22 April 1996.

Kaedah Mengutip Data

Empat kaedah pengutipan data telah digunakan, iaitu

(a) *Item Ujian ...* Pelajar diberikan dua set ujian iaitu ujian pra dan ujian pos. Ujian pra bertujuan mendapatkan gambaran tahap penguasaan kemahiran pelajar terhadap penggunaan huruf besar dalam penulisan bahasa Melayu. Ujian pos bertujuan mengetahui pencapaian pelajar terhadap masalah yang dikaji semasa dan setelah diberi bimbingan.

(b) *Temu Bual ...* Empat orang pelajar, iaitu dua orang pelajar lelaki dan dua orang pelajar perempuan, telah ditemu bual untuk mengetahui latar belakang mereka. Setiap kumpulan jantina mewakili kumpulan sederhana dan lemah. Temu bual juga dilakukan dengan guru kelas, guru yang mengajarkan Bahasa Melayu, guru Sejarah, guru Pendidikan Moral, guru Kaunseling, warden asrama, pegawai pusat sumber dan guru disiplin.

(c) *Pemerhatian ...* Pemerhatian terhadap tingkah laku pembelajaran pelajar di dalam kelas semasa pengajaran telah dilaksanakan. Pemerhatian terhadap persekitaran seperti bilik sumber, kantin dan keceriaan sekolah juga dilakukan.

(d) *Rakaman ...* Dua teknik rakaman digunakan. Persekitaran sekolah dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dirakam dengan kamera. Dengan menggunakan alat perakam radio-kaset pula, rakaman temu bual dilakukan dengan pelajar dan guru.

Etika Kajian

Pengkaji mengutip bukti dan data yang dipersetujui bersama oleh pihak maktab dan sekolah. Bukti dan data itu tidak melibatkan identiti individu. Penerbitan laporan kajian hanya boleh dilakukan oleh Jabatan Pengajian Melayu Maktab Perguruan Keningau. Penerbitan laporan hendaklah atas nama fasilitator dan semua anggota pasukan penyelidik.

TINJAUAN AWAL

Pengutipan Data

Pengutipan data kajian dilakukan dengan kaedah dan prosedur seperti yang dinyatakan dalam bahagian metodologi kajian.

Analisis Data

(a) *Analisis Ujian Pra 1 ...* Ujian ini bertujuan mengesan penguasaan beberapa aspek tatabahasa. Hanya 28 orang pelajar mengikuti ujian ini. Ujian ini dilaksanakan dengan teknik imlak. Bahannya adalah seperti yang di bawah:

Kebanyakan rumah setinggan yang terdapat di tepi Sungai Rejang itu diperbuat daripada papan. Apabila bah melanda, penduduk setinggan tersebut terpaksa meninggalkan tempat kediaman mereka.

“Aku terpaksa berpindah!” fikir Ahmad pada suatu petang ketika hujan semakin lebat.

Analisis ujian menunjukkan 27 orang pelajar (96%) melakukan kesilapan menggunakan tanda baca iaitu noktah, koma dan tanda pengikat kata; 25 orang pelajar (89%) melakukan kesilapan menggunakan huruf besar; 21 orang pelajar (75%) melakukan kesilapan menggunakan imbuhan *ke-...-an*; dan 17 orang pelajar (61%) melakukan kesilapan menulis kata sendi *di*, iaitu kata sendi itu ditulis rapat dengan kata yang mengikutinya.

(b) Analisis Ujian Pra 2 ... Ujian ini bertujuan mengesan kesilapan penggunaan huruf besar. Cuma 26 orang daripada 30 orang pelajar hadir semasa ujian. Dua set ujian telah dikemukakan. Melalui set pertama pelajar diminta menuliskan dua kata nama khas bagi setiap aspek yang berupa gelaran, nama tempat, nama orang nama jalan, dan nama bangunan. Set kedua menggunakan teknik imlak. Pelajar diminta mengeja enam patah perkataan, iaitu “Mahmud, kamus, Awang Buncit, baju, Kampung Baru Jumpa, kuda”.

Analisis ujian menunjukkan bahawa 20 orang pelajar (80%) melakukan kesilapan menulis huruf besar bagi kedua-dua set ujian. Kesilapan dalam kategori ejaan agak minimum iaitu cuma sembilan orang pelajar (34%) melakukan kesilapan bagi set pertama dan cuma enam orang pelajar (23%) melakukan kesilapan bagi set kedua. Jumlah pelajar yang tidak melakukan sebarang kesilapan dalam ujian ini ialah enam orang bagi set pertama dan empat orang bagi set kedua.

(c) Analisis Pemerhatian ... Pemerhatian bertujuan mendapatkan maklumat tentang perlakuan pelajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Pemerhatian juga dilakukan terhadap persekitaran sekolah yang merupakan faktor rangsangan kepada pelajar.

(d) Analisis Temu Bual ... Temu bual bertujuan mengumpul maklumat berkaitan persepsi pelajar terhadap amalan penyalahgunaan huruf besar dan amalan pengajaran guru. Hasil temu bual, dapat dirumuskan bahawa pelajar, guru dan persekitaran memang mempengaruhi kesilapan penggunaan huruf besar.

5.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan ujian pra yang diberikan kepada pelajar, didapati pelajar memang tidak mahir menggunakan huruf besar. Berdasarkan temu bual dengan pelajar, ada kelemahan dalam amalan pengajaran. Maklumat ini disokong oleh hasil pemerhatian dan rakaman. Amat ketara pelajar melakukan kesilapan menggunakan huruf besar berulang kali. Guru kurang memberikan perhatian terhadap kesilapan yang dilakukan oleh pelajar. Jika amalan ini berterusan, ketidakcekapan pelajar menggunakan huruf besar akan berterusan.

PELAKSANAAN TINDAKAN

Berdasarkan tinjauan awal itu, kajian difokuskan terhadap amalan pelajar dan guru. Pengkaji mendapati pengajaran secara khusus perlu diadakan bagi mengatasi masalah ini seperti yang berikut:

Melalui ADKK pelajar dikumpulkan dalam tujuh kelompok kecil berdasarkan tahap pencapaian. Mereka dibimbing oleh seorang fasilitator. Antara aktiviti dalam kelompok ini ialah meneliti nota, menulis huruf dalam borang, melengkapkan teks dan mencari kesilapan penggunaan huruf besar. Pengesanan masalah dan tindakan dilakukan dalam kelompok itu.

Melalui PMRK pelajar didedahkan dengan beberapa bahan seperti panduan menggunakan huruf besar dan kesilapan penggunaan huruf besar. Pelajar dapat mengenal pasti kesilapan yang mereka lakukan melalui PMRK ini. Program ini termasuk usaha membetulkan kesilapan penggunaan huruf pada bahan yang ditampal dalam bilik darjah.

REFLEKSI

Beberapa aktiviti didapati sangat berkesan. Pelajar dapat mengingat penerangan guru dengan merujuk nota yang diedarkan. Melalui latihan menulis huruf besar dan huruf kecil

secara intensif, pelajar dapat membezakan huruf besar dan huruf kecil dari segi bentuk. Pelajar juga menyemak tulisan mereka setelah selesai menulis.

Pelajar kelihatan berminat menggunakan keratan akhbar. Ketika pembentangan, pelajar berjaya menyatakan sebab-sebab penggunaan huruf besar. Aktiviti melengkapkan teks memudahkan pelajar mengesan kesilapan penggunaan huruf besar. Pelajar kelihatan gembira melaksanakan aktiviti menyenaraikan perkataan yang dimulai dengan huruf besar.

Aktiviti yang kurang berkesan ialah mencari kesilapan penggunaan huruf besar. 90% pelajar masih melakukan kesilapan pada akhir aktiviti ini.

Guru ada menyatakan bahawa mereka dibebani tugas yang pelbagai dan pelajar pula lembap. Kajian ini menunjukkan bahawa hal itu tidak menghalang usaha mempertingkatkan kemahiran pelajar, khususnya dari segi penggunaan huruf besar. Ternyata selepas program ini jumlah pelajar yang melakukan kesilapan penggunaan huruf besar berkurangan. Yang penting di sini ialah pemuafakatan dan semangat kesejawatan semua pihak yang berkaitan. Program kajian tindakan mampu menyemarakkan semangat ini.

RUMUSAN

Pengkaji telah berusaha menepati semua proses penyelidikan tindakan. Usaha ini jelas berhasil. Setelah melaksanakan dua tindakan itu, didapati 33% pelajar menguasai penggunaan huruf besar. 80% pelajar telah memahami cara menggunakan huruf besar. Semasa pembentangan, didapati pelajar boleh mengesan kesalahan rakan mereka. Dengan ini dapat dirumuskan bahawa usaha seperti ini mampu menjadi pemangkin kecemerlangan pendidikan, khususnya di kawasan pedalaman negeri Sabah.